



17 Oktober 2016
17 October 2016
P.U. (A) 261

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH KILANG DAN JENTERA
(PENGECUALIAN KEPADA MALAYSIA LNG SDN. BHD.,
BINTULU, SARAWAK) 2016

*FACTORIES AND MACHINERY
(EXEMPTION TO MALAYSIA LNG SDN. BHD.,
BINTULU, SARAWAK) ORDER 2016*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KILANG DAN JENTERA 1967

PERINTAH KILANG DAN JENTERA (PENGECUALIAN KEPADA MALAYSIA LNG
SDN. BHD., BINTULU, SARAWAK) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 55(3) Akta Kilang dan Jentera 1967 [*Akta 139*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kilang dan Jentera (Pengecualian kepada Malaysia LNG Sdn. Bhd., Bintulu, Sarawak) 2016**.

Pengecualian

2. Semua jentera yang didaftarkan dengan Ketua Pemeriksa, dengan nombor pendaftaran dan perihalan yang dinyatakan dalam ruang (1) dan (2) Jadual, atas nama Malaysia LNG Sdn. Bhd., Bintulu, Sarawak yang telah dikeluarkan perakuan kelayakan, adalah dikecualikan daripada persediaan yang dikehendaki di bawah perenggan 17(*b*) Peraturan-Peraturan (Pemberitahu, Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan) Kilang dan Jentera 1970 [*P.U. (A) 43/1970*] bagi pemeriksaan ulangan yang berikutnya selepas habis tempoh perakuan kelayakan itu pada 27 April 2016.

Syarat pengecualian

3. Pengecualian di bawah perenggan 2 tertakluk kepada syarat bahawa semua jentera yang dinyatakan dalam Jadual menjalani pemeriksaan luaran dan ujian tanpa musnah, dan Pemeriksa berpuas hati dengan keputusan pemeriksaan dan ujian itu.